

ANWAR-UMNO

1982

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- BEKAS PRESIDEN ABIM ENCIK ANWAR IBRAHIM HARI INI MENGUMUMKAN KEPUTUSANNYA UNTUK BERGIAT CERGAS DALAM UMNO.

PENGUMUMAN TERSEBUT DIBUATNYA DALAM PERTEMUAN DENGAN PARA PEMBERITA YANG DIHADIRI BERSAMA OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DI SINI.

ENCIK ANWAR MENJELASKAN KEPUTUSAN TERSEBUT DIAMBIL SETELAH BELIAU BERFIKIR DENGAN MENDALAM DAN BERBINCANG PANJANG LEBAR DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL, KHUSUSNYA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BAGAIMANA PUN, BELIAU TIDAK PULA MENERANGKAN DENGAN POSITIF SAMADA BELIAU AKAN BERTANDING ATAU TIDAK DALAM PILIHANRAYA UMUM BULAN DEPAN SEPERTI YANG DIRAMALKAN SEJAK BEBERAPA HARI LALU. -- BERSAMBUNG 1707/IB

ANWAR-UMNO 2 KUALA LUMPUR

+ITU TERPULANG KEPADA PERDANA MENTERI,+ JELASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DUDUK DI SAMPINGNYA JUGA TIDAK MAHU MENGULAS LEBIH LANJUT TENTANG RAMALAN TERSEBUT.

+SAUDARA-SAUDARA BOLEH TUNGGU SENDIRI DAN LIHAT PERKEMBANGAN SELANJUTNYA,+ JELAS PERDANA MENTERI.

DITANYA SAMADA ENCIK ANWAR AKAN DITAWARKAN JAWATAN KABINET SEKIRANYA BELIAU BERTANDING DAN MENANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU MASIH TERLALU AWAL UNTUAI DIPERKATAKAN.

+SYA SENDIRI TIDAK TAHU SIAPA YANG AKAN MENANG DALAM PILIHANRAYA NANTI. SAYA TIDAK TAHU SAMADA SAYA AKAN TERUS MENJADI PERDANA MENTERI SELEPAS ITU NANTI,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA SEBAGAI KETUA BARISAN NASIONAL DAN PRESIDEN UMNO, BELIAU MENGALU-ALUKAN KEPUTUSAN PEMIMPIN BELIA ITU. -- BERSAMBUNG 1710/IB

ANWAR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

+KITA JUGA MENGHARGAI PENGALAMAN SAUDARA ANWAR SELAMA INI. DARI PENGALAMANNYA BERGIAT SELAMA INI DALAM PERGERAKAN ISLAM, KITA YAKIN BELIAU DAPAT MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG BERTAMBAH DALAM USAHA KITA MEMBANGUNKAN NEGARA,+ JELASNYA.

ENCIK ANWAR, 35 MELETAKKAN JAWATANNYA SEBAGAI PRESIDEN ABIM SABTU LALU SETELAH MEMEGANG JAWATAN TERSEBUT SEJAK TAHUN 1974.

BELIAU MULA AKTIF SEBAGAI PEMIMPIN BELIA SEJAK DI MASA UNIVERSITI LAGI.

DITANYA MENGAPA BELIAU MEMILIH UMNO UNTUK BERGIAT DALAM POLITIK, ENCIK ANWAR BERKATA BELIAU MEMILIH UMNO KERANA PARTI ITU PUNYA RUANG UNTUK BELIAU MEMPERJUANGKAN PRINSIP-PRINSIPNYA.

DI SAMPING ITU KATANYA KETEGASAN YANG DITUNJUKAN OLEH PUCUK PIMPINAN KERAJAAN SEKARANG DALAM USAHA-USAHA MENETERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN, MEMERANGI RASUAH, MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DAN SEBAGAINYA BENAR-BENAR MENYAKINKAN BELIAU.--BERSAMBUNG

B632

ANWAR-UMNO 4 KUALA LUMPUR

ENCIK ANWAR YANG MENGAKUI BAHAWA BELIAU +MEMPUNYAI HUBUNGAN PERIBADI+ DENGAN PERDANA MENTERI, TIMBALANNYA DATUK MUSA HITAM DAN MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH SEJAK SEKIAN LAMA BERKATA MEREKA SERING BERBINCANG MENGENAI SOAL-SOAL AGAMA DAN LAIN-LAIN PERKARA YANG MENYENTUH KEPENTINGAN NEGARA.

BAGAIMANAPUN, RUNDINGAN SERIUS MENGENAI KEGIATANNYA DALAM UMNO CUMA BERMULA SEMINGGU YANG LALU.

BEKAS PEMIMPIN BELIA ITU YANG MENGAKUI MENJADI ANGGOTA UMNO CAWANGAN CEROK TOK KON DI BUKIT MERTAJAM SEJAK TAHUN ENAM PULUHAN DULU DIRAMALKAN AKAN BERTANDING DI KAWASAN PARLIMEN PERMATANG PAUH DI SEBERANG PERAI, MENENTANG HAJI ZABIDI HAJI ALI YANG DIJANGKA AKAN MEMPERTAHANKAN KERUSI TERSEBUT.

--BERSAMBUNG 1832/HM

ANWAR-UMNO 5 KUALA LUMPUR

SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK HAJI MUSTAFA JABAR BERKATA UMNO MENGALU-ALUKAN ENCIK ANWAR JIKA TERPILIH SEBAGAI CALON BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA UMUM NANTI.

BELIAU MENSIFATKAN KEPUTUSAN ENCIK ANWAR ITU SEBAGAI +PINANG PULANG KE TAMPUK+ DAN +SIRIH PULANG KE GAGANG.+

BELIAU BERKATA BELIAU KENAL BENAR DENGAN AYAH ENCIK ANWAR, HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN, SEORANG BEKAS PEMIMPIN UMNO, BEKAS AHLI PARLIMEN DAN BEKAS SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KESIHATAN.

DATUK HAJI MUSTAFA JUGA MENSIFATKAN LANGKAH ENCIK ANWAR MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI PRESIDEN ABIM MEMBUKTIKAN BELIAU SEORANG PEMIMPIN YANG BERPEGANG TEGUH KEPADA DASAR PERJUANGAN DAN TIDAK SUKA MENCAMPURI PERJUANGAN ABIM DENGAN POLITIK.

BAGAIMANAPUN, PENYERTAANNYA DALAM PILIHANRAYA NANTI MEMBUKTIKAN PERJUANGAN UMNO KHUSUSNYA DALAM MENINGGIKAN SYIAR ISLAM ADALAH SELARAS DENGAN PERJUANGAN ABIM, TEGASNYA.--BERNAMA 1842/HM